

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK AARON AGO ANAK
DAGANG [KANOWIT]**

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

YB. Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membangunkan potensi pelancongan di Empangan Bakun dan Murum di Sarawak.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mempunyai Pelan Ekopelancongan Kebangsaan sejak tahun 1996 sebagai panduan untuk membantu Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pembangunan mampan eko-pelancongan di Malaysia termasuk bagi Negeri Sarawak. Pelan ini mengandungi 21 pelan tindakan serta 25 garis panduan bagi pembangunan di kawasan eko-pelancongan.

Susulan daripada Pelan Eko-pelancongan Kebangsaan ini, satu Kajian Komprehensif Pembangunan Eko-pelancongan sedang dijalankan untuk merancang produk eko-pelancongan Malaysia yang lebih mampan. Salah satu kawasan eko-pelancongan yang telah dikenalpasti ialah kawasan Bakun. Oleh itu pembangunan pelancongan di empangan Bakun akan mengikut penemuan dan syor kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.